

# Tuanku Muhriz pengerusikan Mesyuarat Majlis Raja-Raja ke-260

**KUALA LUMPUR** - Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Muhriz Tuanku Munawir mempengerusikan Mesyuarat Majlis Raja-Raja ke-260 di Istana Negara di sini pada Rabu.

Mesyuarat itu berlangsung selepas kali terakhir diadakan pada 29 dan 30 Jun lepas yang dipengerusikan Raja Perlis, Tuanku Syed Sirajuddin Putra Jamalullail.

Sebelum mempengerusikan Mesyuarat Majlis Raja-Raja ke-260 yang bermula kira-kira 11 pagi, Tuanku Muhriz berkenan memberi tabik hormat ke atas Kawalan Kehormatan Utama (KKU) yang dibarisi Batalion Pertama Rejimen Askar Melayu Diraja di Dataran Utama.

Tuanku Muhriz kemudian menanam pokok Buah Ajaib di pekarangan Istana Negara sebagai simbolik Yang Dipertua Negeri Sembilan mempengerusikan Mesyuarat Majlis Raja-Raja pada kali ini.

Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah turut berkenan menyaksikan majlis penanaman pokok itu.

KKU dan Majlis Penanaman Pokok adalah cetusan idea Al-Sultan Abdullah dan tidak pernah



**Tuanku Muhriz (kanan) mempengerusikan Mesyuarat Majlis Raja-Raja ke-260 di Istana Negara pada Selasa.**

diadakan sebelum pelantikan Seri Paduka sebagai Yang di-Pertuan Agong ke-16.

KKU diadakan julung kalinya pada Mesyuarat Majlis Raja-Raja kali ke-254, manakala majlis penanaman pokok kali pertama dilangsungkan pada mesyuarat kali ke-255.

Turut berangkat ke mesyuarat ke-260 yang berlangsung dua hari bermula Selasa, ialah Tuanku Syed Sirajuddin, Sultan Johor, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar, Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah dan Sultan Perak, Sultan Nazrin Shah.

Berangkat sama Sultan Kedah, Sultan Sallehuddin Sultan Badlishah dan Sultan Terengganu, Sultan Mizan Zainal Abidin, manakala

Pahang diwakili Pemangku Raja Pahang, Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah Al-Sultan Abdullah dan Kelantan diwakili Tengku Mahkota Kelantan, Tengku Dr Muhammad Faiz Petra.

Mesyuarat turut dihadiri Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang, Tun Ahmad Fuzi Abdul Razak; Yang Dipertua Negeri Melaka, Tun Mohd Ali Rustam; Yang Dipertua Negeri Sabah, Tun Juhar Mahiruddin dan Yang Dipertua Negeri Sarawak, Tun Abdul Taib Mahmud.

Pada mesyuarat berkenaan, Raja-Raja Melayu diiringi menteri besar masing-masing, manakala Yang Dipertua Negeri diiringi ketua menteri, sementara Sarawak diiringi timbalan premier. - *Bernama*